

**Peranan Dan Keupayaan M'sia Ditagih Bagi Pererat Hubungan Serumpun -
Pengamal Media Indonesia
Bernama
9 Februari, 2013
Daripada Mohd Yusof Saari**

MANADO (Indonesia), 9 Feb (Bernama) -- Peranan Malaysia dalam mengangkat martabat institusi kewartawanan ditagih khususnya bagi mempertingkatkan, memperkukuh dan mewujudkan kefahaman kebersamaan budaya serumpun dengan negara jiran Indonesia.

Malaysia yang seringkali menjadi nadi dalam menggerakkan jalinan persaudaraan dan menghapus garis pemisah antara wartawan kedua-dua negara dianggap berpotensi menjadi penghubung kepada penyelesaian masalah yang ditimbulkan segelintir penulis melalui pertemuan dan kerjasama yang sering dilakukan membabitkan wartawan kedua-dua negara.

Malah, penglibatan langsung Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak yang acapkali melawat Indonesia dan Menteri Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan Datuk Seri Dr Rais Yatim yang begitu prihatin terhadap kepentingan persaudaraan sesama kalangan pengamal media menjadikan masalah yang cuba ditimbulkan media terpencil luntur dan terhakis dengan sendirinya.

Beberapa wartawan Indonesia yang ditemui Bernama pada sambutan Hari Pers Nasional (HPN) dan ulang tahun Persatuan Wartawan Indonesia (PWI) ke-67 yang sedang berlangsung di sini sejak semalam, menyatakan selain hubungan erat sesama kerajaan, persaudaraan yang terjalin di kalangan wartawan sebenarnya banyak membantu dalam meredakan setiap ketegangan yang sengaja ditimbulkan pihak tidak bertanggungjawab.

Pengurus Pusat Persatuan Wartawan Indonesia Henry CH Bangun berkata hubungan yang erat dengan wartawan Malaysia memudahkan pihaknya mendapatkan maklumat secara terus tanpa perlu mendengar atau memperoleh maklumat dari pihak ketiga yang mungkin prejudis dalam maklumat yang disalurkan.

Beliau berkata kehadiran Rais bersama kumpulan wartawan kanan dari Kuala Lumpur pada malam pembukaan HPN membolehkan kalangan wartawan membina hubungan selain dapat mendengar secara terus hasrat Malaysia yang mahu jalinan setiakawan di kalangan wartawan terus disemarakkan dan media perlu berpegang kepada semangat negara serumpun menerusi ucaptama menteri itu semalam.

Sambil mahu supaya agenda sebegini diadakan lebih kerap, Henry berkata pertemuan yang disertai menteri itu perlu dijadikan langkah pertama ke arah membina hubungan lebih konkrit sekali gus membantu meningkatkan hubungan sedia ada sesama media.

"Kunjungan sebegini harus diteruskan bagi membolehkan hubungan sedia ada terus dipereratkan kerana jika timbul atau ada pertanyaan tentang sebarang isu, jalinan persahabatan yang dibuat menerusi majlis ini membolehkan kita mendapatkan maklumat dan bertanya secara langsung kepada pihak berautoriti tanpa perlu melalui pihak ketiga," katanya.

Mengenai akhbar Indonesia yang sering menulis isu-isu panas mengenai Malaysia hinggakan menimbulkan ketegangan antara kedua-dua negara, Henry yang mengetuai persatuan 15,000 anggota itu, berkata perkara itu hanya dilakukan segelintir media terpencil dan Malaysia tidak harus gusar dan terkesan dengan laporan sedemikian.

Beliau berkata walaupun akhbar di Indonesia bebas menulis dan mengkritik apa dan siapa sahaja, namun menegaskan majoriti akhbar arus perdana berpegang kepada prinsip standard pemberitaan mengikut etika kewartawanan yang menjadi amalan mana-mana akhbar terkemuka.

"Oleh itu, pihak Malaysia juga harus melihat, contohnya ada 100 media, tapi media yang mana, mungkin hanya 10 tetapi mungkin itu juga bukan media arus perdana yang ada ikatan kuat dengan Malaysia.

"Ia mungkin hanya tujuh peratus daripada lebih 100 media yang beroperasi di Indonesia dan kalau dilihat secara profesional menteri atau rakyat Malaysia tentunya faham dan tahu berita itu ditulis oleh media yang tidak berkedudukan di mana kadar sebaran dan jangkauannya juga adalah kecil, jadi Malaysia tidak perlu peduli dengannya," katanya.

Wakil sekretaris PWI Lampung, Mehdi Maharni pula berpendapat kehadiran menteri dari Malaysia berupaya memberi sokongan secara tidak langsung kepada usaha para wartawan memartabatkan hubungan kekeluargaan antara Indonesia dan Malaysia.

Beliau berkata kehadiran Rais bersama rombongan media akan meningkatkan lagi kerjasama dan keyakinan masyarakat Indonesia tentang hubungan baik kedua-dua negara sekali gus mampu mencairkan sebarang laporan yang menimbulkan ketegangan seperti isu penderaan pembantu rumah warga Indonesia.

"Dengan itu, ia akan menyuntik kesedaran di antara pengamal media dan wartawan mengenai kepentingan menjaga keharmonian rumpun Melayu dengan mengelak untuk menulis berita yang 'panas' dan sensasi," katanya.

Mehdi yang bergelumang dengan dunia pemberitaan lebih 20 tahun juga yakin kehadiran menteri bersama kumpulan wartawan yang lebih kerap mampu menimbulkan 'rasa senang' kepada rakyat Indonesia ketika para wartawan bersemangat memaparkan berita mengenai kebersamaan yang dimiliki rakyat di kedua-dua negara.

Bagi Presiden Direktor Utama Agensi Berita Indonesia (Antara) Saiful Hadi, kunjungan dan ucapnama Rais akan membangkitkan lagi semangat serumpun yang sekian lama berakar umbi di kalangan rakyat kedua-dua negara.

Beliau berkata ucapnama yang disampaikan membawa sigifikasi tersendiri dan memberi inspirasi bahawa bahasa Melayu dan bahasa Indonesia sebagai bahasa serumpun harus terus dipertahankan seiring pengukuhan kerjasama meliputi pelbagai bidang yang dilakukan antara kerajaan dengan kerajaan.

"Rais nyatakan bahawa kita semua berasal dari daun dan pokok yang sama, dan persaudaraan inilah yang perlu difahami oleh para wartawan dan penulis dari Indonesia sebelum menulis sesuatu yang boleh menimbulkan kontroversi," katanya yang juga merupakan Ketua Ikatan Setiakawan Wartawan Malaysia-Indonesia di Indonesia.

Dalam ucapnama sempena HPN yang bermula kelmarin, Rais antara lain mengingatkan perlunya pengamal media terutamanya wartawan menjadi golongan pemikir atau pengkritik yang sentiasa mementingkan keharmonian hubungan antara negara dalam setiap penulisan yang dihasilkan.

Katanya dalam konteks hubungan Malaysia-Indonesia, wartawan menjadi antara komponen

terpenting daripada segi penerapan pemikiran sama ada memilih untuk melaporkan perkara yang benar atau sebaliknya.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=927198>